

'Ini Kajang, bukan Permatang Pauh'

Free Malaysia Today

17 March 2014

Oleh Muda Mohd. Noor

PETALING JAYA: Tidak ada pemimpin dan penyokong parti itu yang berpaling tadah dengan menyertai PKR sebagaimana digembar gemburkan pembangkang, kata seorang pemimpin Umno tempatan hari ini.

Datuk Mohd Said Mad Saman, bekas AJK Umno Hulu Langat berkata, ianya tidak lebih daripada perang psikologi untuk menunjukkan pengundi Kajang meninggalkan Umno dan menyokong PKR.

“Saya sebagai ketua Umno Sungai Kantan (Kajang) tidak nampak orang Umno masuk PKR seperti yang disebut oleh parti itu.

“Dalam program semalam oleh (menteri besar Kedah) Datuk Mukhriz Mahathir beratus-ratus orang datang,” kata beliau ketika dihubungi hari ini.

Malam kelmarin Datuk Shariff Omar iaitu bekas timbalan menteri pertanian menyatakan sokongan dan mahu membantu Pakatan mencapai kemenangan dengan majoriti yang besar dalam pilihan raya kecil itu.

Empat bekas pemimpin Umno peringkat cawangan dalam DUN Kajang turut menyerahkan borang permohonan menyertai PKR kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismial.

“Siapakah pemimpin-pemimpin Umno yang masuk PKR itu, ada mereka sebut nama,” kata Mohd Said.

Dalam pilihan raya kecil Kajang 23 Mac ini dr Wan Azizah akan dicabar naib presiden MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Tolak dakwaan Khir Toyo

Mohd Said juga menolak dakwaan bekas menteri besar Selangor, Dr Mohd Khir Toyo bahawa hanya orang tua Umno yang masih menyokong parti itu di Kajang.

Dr Mohd Khir turut mendakwa pengundi tidak menyokong BN dan ini tidak baik kepada BN kerana ada dua universiti awam iaitu UKM dan UPM di Kajang,

Beliau turut meramalkan Dr Wan Azizah akan menang dengan majoriti yang lebih besar berbanding Lee Chin Cheh (PKR) yang mendapat 19,571 undi dalam pilihan raya umum lalu.

Pada pilihan raya 2013, jumlah pengundi Kajang ialah 38,965 orang dengan pecahan Melayu

(48.48), Cina (40.46), India (10.15)

“Ini kenyataan yang tidak betul kerana pagi tadi (Sabtu) sekumpulan pelajar kira-kira 50 orang datang ke program kita,’ katanya lagi.

Mohd Said juga menegaskan peluang BN kini lebih terbuka luas dan boleh memenangi kerusi DUN Kajang.

“Jangan ingat ini Permatang Pauh. Ini Kajang, bukan Permatang Pauh,” tambahnya.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/16/ini-kajang-bukan-permatang-pauh/>